

Yang Lain dalam Metaontologi Alain Badiou

BURHANUDDIN BAKI

Persoalan tentang Yang Lain adalah antara tema utama dalam falsafah kontinental kontemporari dan isu alteriti telah menjadi bahan kajian teoretikal oleh hampir setiap ahli falsafah Eropah selepas perang dunia kedua. Untuk kebanyakan para filsafat, tema Yang Lain menerima rujukan dan sumber utama dalam pemikiran Emmanuel Levinas, pemikir topik alteriti *par excellence*. Topik ini juga telah menjadi tumpuan kepada banyak pemikiran dan penyelidikan dalam bidang ilmu kemanusiaan dan sains sosial. Kajian antropologi sejak beberapa dekad yang lalu adalah sebahagian besar bertumpu (samada secara langsung atau tidak langsung) kepada persoalan alteriti. Malahan, boleh dikatakan hampir setiap hasil tulisan dalam bidang ini berobjekkan satu spesies Yang Lain: proletar, subjek subaltern, para petani, pendatang tanpa izin, pengganas, homoseksual, Muslim, Yang Dijajah, penduduk negara dunia ketiga, perempuan, dan sebagainya. Kita juga boleh melihat keutamaan kepada penghormatan Yang Lain dalam kebanyakan teori politik kemerdekaan dan haluan kiri hari ini, contohnya politik demokrasi neoliberal, sosialisme, multikulturisme, komunisme, beberapa pergerakan Islamis, libertarianisme, teologi pembebasan, pasca-kolonialisme, "Asian Values", anarkisme, feminisme, dan kebanyakan pergerakan hak asasi kemanusiaan di seluruh dunia. Walaupun begitu, pemahaman pasca-kontinental tentang isu hubungan kita dengan Yang Lain adalah sarat dengan paradoks dan kekeliruan. Dan wacana hari ini kelihatan mewar-warkan kemunculan pergerakan falsafah berbentuk pasca-kontinental yang bertujuan, antara lain,

menilai semula fokus dan paradigma terdahulu mengenai persoalan alteriti. Salah seorang pemikir yang acapkali dikatakan ahli atau ketua kepada pemikiran pasca-kontinental ini ialah Alain Badiou. Dalam karyanya *L'Être et l'Événement (Being and Event)* (1988), beliau cuba secara radikal memikirkan semula pelbagai isu klasik dalam metafizik dan falsafah politik, termasuk persoalan Yang Lain. Ini dibuat dengan menjalankan kajian terperinci terhadap implikasi berbentuk ontologikal daripada beberapa konsep teknikal dan teorem dalam ilmu matematik. Dalam *L'Être et l'Événement*, Badiou memberi tumpuan khusus kepada matematik teori set dan teori *forcing* yang dicipta oleh ahli matematik Paul Cohen pada awal dekad 1960an. Penciptaan teknik ini telah membuahkan Cohen pingat Fields, anugerah tertinggi dalam ilmu matematik. Pembentangan ini bermula dengan memperkenalkan dua hipotesis utama dalam karya Badiou, dengan setiap hipotesis diberi dalam bentuk persamaan aksiomatik. Persamaan pertama ialah “matematik = ontologi” manakala persamaan kedua ialah “kewujudan = kemajmukan”. Undang-undang asas kepada wacana kewujudan ialah sistem aksiom *ZFC*. Sistem ini menjadi sistem formal kepada tiga wacana: matematik, teori set dan, menurut Badiou, ontologi. Pembentangan ini membuat pembacaan dan pemikiran semula mengenai peranan Yang Lain dalam rangka kerja metafizik Badiou. Ini dibuat dengan menjalankan penyelidikan teliti terhadap teknik “*forcing*” Paul Cohen dan bagaimana beberapa konsep dan teorem dalam teknik tersebut menjadi syarat (*condition*) kepada pemahaman falsafah mengenai tiga figura tertentu untuk Yang Lain: peristiwa (*event*), kebenaran (*truth*) dan subjek. Pembentangan ini memeriksa pencerakinan terperinci Alain Badiou terhadap teknik *forcing* dan bagaimana konsep generik memberi nafas baharu tentang persoalan alteriti. Melalui teknik *forcing*, sesuatu subjek boleh meninggalkan sistem paradigma M yang lama dan kemudian membina alam semesta $M[G]$ yang baharu yang masih menuruti undang-undang asas kepada ontologi, iaitu sistem aksiom *ZFC*. Ini dibuat dengan subjek memberi kesetiaan kepada penentuan suatu kebenaran baharu yang tidak terhingga, iaitu G , yang memenuhi struktur generik tadi. Sebagai contoh, paradigma lama M mungkin sebuah negara yang mempunyai sejarah tertentu, struktur undang-undang tertentu dan demografi penduduk tertentu. Negara ini mungkin mempunyai sistem sosiopolitik, perlembagaan dan rejim tertentu, dengan bahasa dan sistem perwakilan tertentu. M juga mungkin suatu paradigma sains yang lama – contohnya sistem fizik Newton

– ataupun satu sistem kebudayaan yang sudah lapuk atau tabiat berseni yang sudah basi. *Forcing* berlaku apabila terjadinya sesuatu peristiwa yang sebenar-benarnya peristiwa, sesuatu kejadian yang tidak dijangka dan tidak diduga, yang berlaku di sempadan paradigma lama M tadi. Beberapa pemastautin in M mengenali keperistiwaan peristiwa tersebut dan memberikannya nama. Dari situ, pemastautin-pemastautin tersebut terangkat menjadi subjek yang sebenar-benarnya subjek. Mereka menjadi militan kepada kebenaran G yang terserlah daripada peristiwa tersebut. Dari situ juga, kebenaran G yang terpaut pada peristiwa tersebut mulai ditunen oleh subjek-subjek tadi. Struktur kewujudan kebenaran tersebut mematuhi struktur generik seperti yang dikuatkuasakan oleh ontologi *forcing*. Melalui penenunan kebenaran G , sebuah dunia baharu $M[G]$ boleh dibina, dengan bahasa dan pemikiran yang baharu yang merdeka daripada pengaruh dan penindasan sistem rejim terdahulu. Walaubagaimanapun, kebenaran G masih menempatkan diri pada titik rundingan baharu di antara dunia lama M dan dunia baharu $M[G]$. Seperti yang dibuktikan oleh teoreme-teorem *forcing* dan teorem model generik, pembinaan sebuah dunia baharu $M[G]$ dijalankan sepenuhnya melalui sumber-sumber dari dunia lama, dengan para militan, pada setiap masa, cuma perlu membuat kajian untuk sebahagian sahaja daripada unsur-unsur dalam penenunan G . Sebenarnya kebenaran G ialah pengumpulan dan penyusunan baharu kepada unsur-unsur yang sudah sedia ada dalam dunia lama. Oleh itu, keperistiwaan sesuatu peristiwa, kemerdekaan sesuatu subjek dan kebenaran sesuatu hakiki adalah melibatkan bukan sahaja pemberontakan tetapi juga kesinambungan kepada sejarah dan sistem ilmu lama.